



International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)

Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



**PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUT
PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA DAN
HUBUNGANKAITNYA DENGAN BIDANG PENGAJIAN
PELAJAR**

*STUDENT ENTREPRENEURIAL THINKING OF MALAYSIAN PUBLIC
INSTITUTION OF HIGHER LEARNING AND ITS RELATIONSHIP WITH
STUDENTS STUDY FIELD*

Armanurah Mohamad^{1*}, Norashidah Hashim², Awanis Ku Ishak³, Syahrina Abdullah⁴

¹ Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: armanurah@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: norashidah@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: awanis@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: syahrina@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.05.2020

Revised date: 10.06.2020

Accepted date: 14.06.2020

Published date: 15.06.2020

To cite this document:

Mohamad, A., Hashim, N., Ku Ishak, A., & Abdullah, S. (2020). Pemikiran Keusahawanan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia dan Hubungkaitnya dengan Bidang Pengajian Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 321-331.

DOI: 10.35631/IJEPC.5350027.

Abstrak:

Objektif kajian ini adalah untuk (1) meninjau tahap keseluruhan pemikiran keusahawanan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan bidang pengajian mereka; (2) mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan pelajar berdasarkan bidang pengajian mereka IPTA. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada pelajar ijazah sarjana muda seramai 2001 daripada 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Sampel ini terdiri dari pelajar dalam semua bidang pengajian yang diklasifikasikan kepada tujuh kumpulan, iaitu sastera dan sains sosial, teknikal dan kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, sains, pendidikan dan perniagaan. Kaedah statistik deskriptif dan ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menganalisis data kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar dari semua bidang pengajian mempunyai tahap keseluruhan pemikiran keusahawanan yang sederhana tinggi dengan skor min 3.910 dan sisihan piawai 0.473. Bidang pengajian perniagaan mempunyai skor min tertinggi, sementara kajian teknikal dan kejuruteraan mempunyai skor min terendah.

Selain itu, kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian. Keputusan ujian Tukey HSD mendapati tiga kumpulan bidang pengajian mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kumpulan bidang pengajian perniagaan, iaitu kumpulan bidang pengajian sastera dan sains sosial, pengajian teknikal dan kejuruteraan, dan kumpulan bidang pengajian sains. Implikasi dari kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya IPTA boleh memupuk pemikiran keusahawanan ke tahap tinggi dalam kalangan pelajar bagi semua bidang pengajian dengan memperkenalkan pendidikan keusahawanan yang mempunyai elemen pemikiran keusahawanan. Ini termasuklah elemen keupayaan mengenal pasti peluang, kreatif dan inovatif, kesanggupan mengambil risiko dan toleransi kepada kekaburan. Penerapan pemikiran keusahawanan kepada pelajar IPTA boleh memberi dua pilihan kerjaya kepada pelajar apabila bergraduat, iaitu merealisasikan aspirasi kerjaya keusahawanan mereka sebagai kerjaya pilihan atau memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya alternatif.

Kata Kunci:

Pemikiran Keusahawanan, Mengenal Peluang, Kreatif Dan Inovatif, Mengambil Risiko, Toleransi Kepada Kekaburan Dan Pendidikan Keusahawanan

Abstract:

The objectives of this study were to (1) explore the entrepreneurial thinking of public higher learning institutions (PHLIs) students in Malaysia base on their field of study; (2) identify whether there are significant differences in students' entrepreneurial thinking based on their field of study at PHLIs. This study uses a quantitative approach. The study sample consisted of 2001 undergraduate students from 20 PHLIs in Malaysia. The sample consisted of students in all fields of study which were classified into seven groups, namely literature and social sciences, technical and engineering, information and communication technology, science, education, business, and others. Descriptive statistical methods and one-way ANOVA tests were used to analyze the study data. The results showed that students from all fields of study had an overall medium-high level of entrepreneurial thinking with a mean score of 3.910 and a standard deviation of 0.473. The field of business studies has the highest mean scores, while technical and engineering studies have the lowest mean scores. In addition, this study found significant differences in entrepreneurial thinking of PHLIs students based on their field of study. The results of the Tukey HSD test found that three groups of studies had significant differences with the business study group, namely literature and social sciences, technical and engineering studies groups, and science groups. Implications from this study show that overall the PHLIs can foster entrepreneurial thinking to a high level among students in all fields of study by introducing entrepreneurship education with an entrepreneurial mindset. These include elements of the ability to identify opportunities, creative and innovative, risk-taking, and tolerance for ambiguity. Nurturing entrepreneurial thinking to PHLIs students can provide and realize their entrepreneurial career aspirations as a career choice or as an alternative career after their graduation. Nurturing entrepreneurial thinking to PHLIs students can give students two career options when they graduate, either realizing their entrepreneurial career aspirations as their preferred career or choosing an entrepreneurial career as an alternative career.

Keywords:

Entrepreneurial Thinking, Opportunity Recognition, Creative And Innovative, Risk Taking, Tolerance For Ambiguity And Entrepreneurial Education

Pengenalan

Keusahawanan merupakan bidang yang penting dalam menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara. Dalam hal ini IPTA dilihat sebagai satu *platform* untuk melahir ramai usahawan siswazah yang dapat membantu perkembangan ekonomi negara dan sebagai pencipta pekerjaan melalui usaha teroka mereka. Namun, kajian-kajian lepas di Malaysia mendapati majoriti graduan siswazah tidak berminat untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan, mereka lebih berminat untuk ‘makan gaji’ atau menjadi *job seeker*. Justeru itu, pembudayaan pelajar kepada pemikiran keusahawanan merupakan salah satu langkah awal yang perlu dilaksanakan oleh IPTA bagi mengubah mentaliti pelajar daripada *job seeker* kepada *job creator*. Untuk tujuan tersebut, pembangunan bakal-bakal usahawan graduan perlu dilaksanakan di institusi pengajian tinggi awam bagi melahirkan graduan yang memiliki pemikiran keusahawanan. Ini adalah kerana antara elemen utama yang diperlukan untuk menjadi usahawan adalah mentaliti atau pemikiran keusahawanan. Terdapat dua persoalan kepada kajian ini, iaitu, (1) apakah tahap keseluruhan pemikiran keusahawanan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan bidang pengajian mereka? (2) adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan pelajar berdasarkan bidang pengajian mereka di IPTA? Kajian ini dimulai dengan menyingkap latar belakang jurusan pendidikan pelajar semasa di sekolah menengah, pra-universiti (STPM/Matrikulasi) dan program diploma sehinggalah kepada latar belakang bidang pengajian di IPTA. Ini diikuti oleh tinjauan tahap keseluruhan pemikiran keusahawanan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan bidang pengajian mereka. Seterusnya kajian ini akan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan berdasarkan bidang pengajian pelajar di IPTA.

Pemikiran Keusahawanan

Pemikiran keusahawanan adalah konsep pemikiran yang tidak berstruktur iaitu bukan secara tradisional dan lurus, tetapi ialah pemikiran yang memfokuskan kepada membuat perbezaan daripada orang lain (Clouse, Goodin, Davey & Jeff, 2003; Higdon, 2005; Kuratko, 2009).

Seseorang yang mempunyai pemikiran keusahawanan mempunyai keupayaan untuk melihat dan merebut peluang ((Nor Aishah et al. 2018; Alhnaity 2018; Clouse et al., 2003; Higdon, 2005). Dalam merebut peluang, individu yang mempunyai pemikiran keusahawanan mengenal pasti dan merebut peluang, berasaskan latar belakang, pengalaman dan perhubungan mereka (Higdon, 2005; Alsos & Kaikkonen, 2004). Di samping itu, seseorang yang mempunyai pemikiran keusahawanan juga mempunyai ciri-ciri kreativiti dan inovasi (Alhnaity, Armanurah & Awanis, 2016). Mereka yang mempunyai pemikiran kreatif berkemungkinan untuk melihat dunia dengan cara yang berbeza daripada orang lain (De Bono, 2006). Menurut Rosli et al., (2007) individu yang kreatif dan inovatif ialah seseorang yang dapat menghasilkan idea dan konsep baru dan dapat menterjemahkannya kepada produk yang dapat dikomersilkan. Individu yang kreatif merupakan usahawan yang mempunyai banyak idea, panjang akal dan berupaya menghasilkan produk baru serta unik. Manakala seseorang yang mempunyai ciri inovatif ialah usahawan yang sentiasa ingin mengembang dan membuat pembaharuan ke atas produk yang sedia ada untuk mempertingkatkan atau memperbaiki mutunya dan menjadikan produk itu lebih baik serta mempunyai kelebihan saingan dan sentiasa berada di hadapan pesaing (Armanurah, 2014; Mohd Salleh et al., 2005).

Di samping dapat mengenal dan merebut peluang serta mempunyai kreativiti dan inovasi, individu yang mempunyai pemikiran keusahawanan adalah seorang pengambil risiko. Usahawan membuat penilaian dan pertimbangan terhadap risiko yang diambil (Rosli et al., 2007) dan tahu memindahkan sebahagian daripada risiko usaha teroka kepada orang lain

(Mohd Salleh et al., 2005; Norita et al., 2010). Seterusnya, seseorang yang berpemikiran keusahawanan juga mempunyai darjah yang tinggi terhadap kekaburan dan ketidakpastian dan tahu bagaimana untuk mengurangkannya (Norita et al., 2010). Mereka berupaya berfikir di tahap yang tinggi dan kompleks serta mempunyai keupayaan untuk menangani hal-hal yang kompleks dan kabur dengan berkesan (Clouse et al., 2003; Higdon, 2005; Kuratko, 2009).

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa individu yang mempunyai pemikiran keusahawanan boleh dinilai dari empat aspek iaitu, kemampuan melihat dan merebut peluang, kreativiti dan inovasi, kesanggupan mengambil risiko dan toleransi terhadap kekaburan (Armanurah 2014; Armanurah, Sahadah & Norashidah, 2020).

Metodologi

Populasi kajian ini terdiri daripada 20 IPTA di Malaysia. Sampel kajian adalah seramai 2001 pelajar IPTA yang diambil secara rawak. Sejumlah 2500 set soal selidik telah diedar secara rawak kepada pelajar IPTA seluruh Malaysia. Jumlah responden yang memulangkan soal selidik bagi kajian ini adalah seramai 2027 orang. Daripada jumlah ini pengkaji mendapati 26 responden memberi jawapan yang ekstrim serta tidak lengkap dan tidak boleh digunakan untuk kajian. Ini menjadikan hanya 2001 responden atau soal selidik yang boleh digunakan untuk tujuan kajian. Instrumen kajian diadopsi dari kajian Armanurah (2014) yang terdiri dari 29 item untuk mengukur konstruk pemikiran keusahawanan yang memiliki Cronbach Alpha 0,949.

Maklumat-maklumat daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif terdiri daripada frekuensi, peratusan, dan *ranking*. Kaedah statistik deskriptif digunakan bagi menjawab persoalan kajian satu. Interpretasi skor min seperti dalam jadual 1 digunakan bagi menentukan tahap pemupukan pemikiran keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian. Tahap skor min bagi pemikiran keusahawanan dibahagikan kepada empat tahap, iaitu tahap rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Norasmah, O. (2006); Armanurah, M. (2014)

Untuk menjawab persoalan kajian dua, statistik inferensi, iaitu analisis ANOVA sehalu, digunakan untuk menguji hipotesis perbezaan signifikan pemikiran keusahawanan dan dimensi pemikiran keusahawanan berdasarkan bidang pengajian yang diambil oleh pelajar IPTA.

Dapatan Kajian

Latar Belakang Pendidikan Responden

Jadual 2 menunjukkan komposisi latar belakang pendidikan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia yang merupakan sampel kajian ini. Berdasarkan jurusan pendidikan sekolah menengah, sains tulen merupakan jurusan yang mempunyai peratusan tertinggi (44.3%) diikuti dengan perdagangan atau perakaunan (29.9%), sastera (13.3%),

teknik dan vokasional (7.6%) dan lain-lain (2.4%). Kebanyakan responden tidak mempelajari subjek ekonomi (55.2%), perdagangan (55.2%), perakaunan (57.1%), pengajian keusahawanan (93%) dan pengajian perniagaan (74%) di sekolah. Di peringkat matrikulasi, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau diploma pula, sastera merupakan jurusan tertinggi yang diambil oleh responden dengan peratusan 39.6 peratus. Selain itu, responden yang paling ramai merupakan pelajar jurusan sastera dan sains sosial (42.2%) di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 2: Latar Belakang Pendidikan Responden

			Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jurusan Pendidikan Menengah	Sekolah		Sains tulen	886	44.3
			Teknik dan vokasional	152	7.6
			Perdagangan/ perakaunan	598	29.9
			Sastera	266	13.3
			Lain-lain	49	2.4
Belajar asas/ekonomi di sekolah	subjek ekonomi	Ya	Ya	893	44.6
			Tidak	1105	55.2
Belajar di sekolah	subjek perdagangan	Ya	Ya	473	23.6
			Tidak	1527	76.3
Belajar di sekolah	subjek prinsip perakaunan	Ya	Ya	857	42.8
			Tidak	1142	57.1
Belajar Keusahawanan di sekolah	subjek Pengajian	Ya	Ya	139	6.9
			Tidak	1861	93.0
Belajar Perniagaan di sekolah	subjek Pengajian	Ya	Ya	519	25.9
			Tidak	1481	74.0
Jurusan Matrikulasi/STPM/Diploma	pengajian peringkat		Perniagaan/perakaunan	584	29.2
			Sains	497	24.8
			Sastera	793	39.6
			Lain-lain	127	6.3
Jurusan Ijazah Sarjana Muda di universiti	pengajian Ijazah Sarjana		Sastera dan sains sosial	848	42.4
			Teknikal dan kejuruteraan	141	7.0
			Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	124	6.2
			Sains	289	14.4
			Pendidikan	136	6.8
			Perniagaan	419	20.9
			Lain-lain	44	2.2

Tahap Pemikiran Keusahawanan Pelajar IPTA Berdasarkan Bidang Pengajian

Terdapat enam bidang pengajian yang ditinjau dalam kajian ini. Penilaian tahap keseluruhan pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian adalah seperti dalam Jadual 3.0. Secara keseluruhannya tahap pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian adalah di tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.910 dan sisihan piawai 0.473. Nilai skor min tertinggi pula dicapai oleh bidang perniagaan iaitu 3.998 dan sisihan piawai 0.436. Bidang teknikal mempunyai nilai min terendah iaitu 3.789 dan sisihan piawai

0.513. Maklumat terperinci mengenai tahap pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pemikiran Keusahawanan Pelajar IPT Berdasarkan Bidang Pengajian

	N	Kedudukan min	Min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
Sastera dan sains soisal	848	3	3.909	.464	Sederhana tinggi
Teknikal dan kejuruteraan	141	6	3.799	.513	Sederhana tinggi
Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	124	4	3.903	.487	Sederhana tinggi
Sains	289	5	3.815	.510	Sederhana tinggi
Pendidikan	136	2	3.948	.481	Sederhana tinggi
Perniagaan	419	1	3.998	.436	Sederhana tinggi
Lain-lain	44		3.992	.332	Sederhana tinggi
Keseluruhan	2001		3.910	.473	Sederhana tinggi

Perbezaan Pemikiran Keusahawanan Pelajar IPTA Berdasarkan Bidang Pengajian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dalam pemikiran keusahawanan pelajar berdasarkan bidang pengajian pengujian hipotesis berikut dilaksanakan:

Ha: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian

Hipotesis di atas, iaitu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang diuji menggunakan ujian statistik ANOVA sehala. Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan analisis ANOVA sehala bagi pemikiran keusahawanan pelajar IPTA di peringkat ijazah sarjana muda menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan bidang pengajian pelajar ($F = 6.329$, $p = 0.000$, $p < 0.05$). Oleh itu, secara keseluruhannya hipotesis Ha diterima dan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan bagi pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian.

Jadual 3: Dapatan Ujian ANOVA Sehala Bagi Pemikiran Keusahawanan Pelajar IPTA Mengikut Bidang Pengajian

	Sum of Squares	DK	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	8.356	6	1.393	6.329	0.000
Dalam kumpulan	438.766	1994	0.220		
Jumlah	447.122	2000			

DK = Darjah kebebasan

Perbezaan min secara khusus bagi setiap kumpulan bidang pengajian dikenal pasti dengan ujian Post Hoc menggunakan Tukey HSD. Jadual 5 menunjukkan keputusan ujian Tukey HSD bagi perbezaan min pemikiran keusahawanan pelajar berdasarkan bidang pengajian pelajar. Terdapat kumpulan bidang pengajian pelajar yang mempunyai perbezaan yang signifikan dan terdapat juga kumpulan bidang pengajian yang tiada perbezaan yang signifikan. Ujian Tukey HSD mendapati terdapat tiga bidang pengajian yang mempunyai perbezaan yang signifikan dengan bidang pengajian perniagaan, iaitu bidang pengajian sastera dan sains sosial, pengajian teknikal dan kejuruteraan, dan bidang pengajian sains. Maklumat terperinci mengenai tahap pemikiran keusahawanan pelajar IPTA berdasarkan bidang pengajian dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Ujian Tukey HSD Pemikiran Keusahawanan Pelajar IPTA Mengikut Bidang Pengajian Di Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Bidang Pengajian		Perbezaan min	Ralat piawai	Sig.
Sastera dan sains sosial	Teknikal dan kejuruteraan	0.119	0.043	0.076
	Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	0.006	0.045	1.000
	Sains	0.094	0.032	0.050
	Pendidikan	-0.039	0.043	0.973
	Perniagaan	-0.088*	0.028	0.027
	Lain-lain	-0.083	0.073	0.916
Teknikal dan kejuruteraan	Sastera dan sains sosial	-0.119	0.043	0.076
	Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	-0.113	0.058	0.440
	Sains	-0.025	0.048	0.998
	Pendidikan	-0.158	0.056	0.074
	Perniagaan	-0.208*	0.046	0.000
	Lain-lain	-0.202	0.081	0.161
Teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT)	Sastera dan sains sosial	-0.006	0.045	1.000
	Teknikal dan kejuruteraan	0.113	0.058	0.440
	Sains	0.088	0.050	0.584
	Pendidikan	-0.045	0.058	0.987
	perniagaan	-0.095	0.048	0.434
	Lain-lain	-0.089	0.082	0.934
Sains	Sastera dan sains sosial	-0.094	0.032	0.050
	Teknikal dan kejuruteraan	0.025	0.048	0.998
	Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	-0.088	0.050	0.584
	Pendidikan	-0.133	0.049	0.092
	Perniagaan	-0.183*	0.036	0.000
	Lain-lain	0.177	0.076	0.230

Pendidikan	Sastera dan sains sosial	0.039	0.043	0.973
	Teknikal dan kejuruteraan	0.158	0.056	0.074
	Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	0.045	0.058	0.987
	Sains	0.133	0.049	0.092
	Perniagaan	0.049	0.046	0.937
	Lain-lain	0.044	0.081	0.998
Perniagaan	Sastera dan sains sosial	0.088*	0.028	0.027
	Teknikal dan kejuruteraan	0.208*	0.046	0.000
	Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	0.095	0.048	0.434
	Sains	0.183*	0.036	0.000
	Pendidikan	0.049	0.046	0.937
	Lain-lain	0.006	0.074	1.000
Lain-lain	Sastera dan sains sosial	0.083	0.073	0.916
	Teknikal dan kejuruteraan	0.202	0.081	0.161
	Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	0.089	0.082	0.934
	Sains	0.177	0.076	0.230
	Pendidikan	0.044	0.081	0.998
	Perniagaan	-0.006	0.074	1.000

Perbincangan

Perbezaan Dalam Pemikiran Keusahawanan Berdasarkan Bidang Pengajian

Berdasarkan responden kajian ini didapati kebanyakan pelajar kurang mendapat pendedahan dengan subjek yang berkaitan dengan perniagaan dan keusahawanan semasa di sekolah menengah. Majoriti responden adalah daripada jurusan sains tulen semasa di sekolah menengah. Justeru itu tidak sampai separuh daripada responden dalam kajian ini yang mengambil subjek-subjek yang mempunyai kaitan dengan perniagaan dan keusahawanan yang boleh memupuk pemikiran keusahawanan pelajar. Hal ini diteruskan di IPTA di mana kebanyakan pelajar lebih menjurus kepada bidang sastera dan sains sosial dan sains di mana mereka kurang mendapat pendedahan terhadap subjek-subjek yang boleh membudayakan minda dengan pemikiran keusahawanan. Justeru itu, hasil kajian ini menunjukkan pelajar dari semua bidang pengajian mempunyai tahap keseluruhan pemikiran keusahawanan yang sederhana tinggi. Dapatan kajian ini didapati menyokong kajian Esteti (2012) terhadap pemikiran keusahawanan secara keseluruhan dalam kalangan pelajar IPT di Padang Sumatera Barat, Indonesia yang mendapati tahap pemikiran keusahawanan adalah pada sederhana tinggi kerana responden kajian beliau adalah terdiri daripada pelajar jurusan sains tulen, kejuruteraan dan sains sosial di mana mereka mempunyai keupayaan untuk menghasilkan idea tetapi mereka tidak dapat menerangkan bagaimana proses atau langkah-langkah berfikir berlaku dalam minda mereka.

Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan dalam nilai min pemikiran keusahawanan berdasarkan bidang pengajian pelajar di IPTA. Daripada tujuh bidang yang dikaji, iaitu, bidang sastera dan sains sosial, teknikal dan kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, sains, pendidikan dan perniagaan, didapati terdapat tiga bidang pengajian yang

mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap pemikiran keusahawanan dengan bidang pengajian perniagaan, iaitu bidang pengajian sastera dan sains sosial, pengajian teknikal dan kejuruteraan, dan bidang pengajian sains. Justeru itu kajian ini memperlihatkan pelajar bidang pengajian sastera dan sains sosial, pengajian teknikal dan kejuruteraan, dan bidang pengajian sains mempunyai min skor yang rendah daripada pelajar bidang perniagaan. Dapatan ini adalah selari dengan Norashidah (2009) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesediaan keusahawanan terutamanya kesediaan kerohanian pelajar berlainan jurusan sekolah menengah dan berlainan latar belakang pendidikan. Di samping itu, kajian Owusu-Ansah (2004) juga mendapati terdapat perbezaan kesan pendidikan keusahawanan kepada pelajar jurusan perniagaan dan pelajar jurusan sains atau kejuruteraan. Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh kajian Hindle dan Cutting (2002) mengenai kesan pendidikan keusahawanan ke atas pelajar farmasi.

Implikasi dari kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya IPTA boleh meningkatkan pemupukan pemikiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi semua bidang pengajian dengan memperkenalkan pendidikan keusahawanan yang mempunyai elemen pemikiran keusahawanan. Ini termasuklah elemen keupayaan mengenal pasti peluang, kreatif dan inovatif, kesanggupan mengambil risiko dan toleransi kepada kekaburan. Pemikiran keusahawanan seseorang itu boleh dibentuk menerusi kurikulum latihan dan pendidikan keusahawanan yang bersesuaian (Nor Aishah, 2018; Lewis, 2002; Collins et al., 2004). Penerapan pemikiran keusahawanan kepada pelajar IPTA melalui pendidikan keusahawanan yang bersesuaian mrentasi semua program pengajian di IPTA boleh membuka minda pelajar ke arah pemikiran keusahawanan (Armanurah, Sahadah & Norashidah, 2020). Pendidikan keusahawanan yang bersesuaian dapat megembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif dan inovatif, mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi (Yap, 2002; Norasmah, Hariyaty & Armanurah, 2019). Ini seterusnya boleh memberi laluan kepada pelajar untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan atau sebagai kerjaya alternatif.

Rumusan

Memandangkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pemikiran keusahawanan antara bidang pengajian di IPTA, penerapan pendidikan keusahawanan yang bersesuaian sebagai kursus wajib universiti boleh memupuk pemikiran keusahawanan pelajar dalam semua bidang pengajian. Pendidikan keusahawanan yang diperkenalkan perlu mempunyai elemen-elemen pemikiran keusahawanan. Ini termasuklah elemen keupayaan mengenal pasti peluang, kreatif dan inovatif, kesanggupan mengambil risiko dan toleransi kepada kekaburan. Penerapan pemikiran keusahawanan yang tinggi kepada pelajar IPTA boleh memberi dua pilihan kerjaya kepada pelajar apabila bergraduasi, iaitu merealisasikan aspirasi kerjaya keusahawanan mereka sebagai kerjaya pilihan atau memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya alternatif.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang memberikan dana untuk penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan *Exploratory* (ERGS).

Rujukan

Alhnaity, H. (2018). The influence of entrepreneurial thinking, attitude, networks and government intervention on the small business owners' performance in Jordan. PhD Thesis, Universiti Utara Malaysia.

- Alhnaity, H., Armanurah, M & Ku Ishak, A. (2016), Entrepreneurial thinking and small business performance: The case of beneficiary companies of Jordanian Erada Program, *Journal of Management and Sustainability*, Vol.6, No.3, 68-78.
- Armanurah, M. (2014). Penilaian pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Armanurah, M, Sahadah, Hj. A & Norashidah, H. (2020). Dimensi dalam pemikiran keusahawanan dan kaitannya dengan pendidikan keusahawanan, dalam *Dinamika Minda Baharu: Keusahawanan dan Kemanusiaan*. pp. 67-75. Kangar: Penerbit UniMAP
- Clouse, R. W., Goodin, T., Davey, M & Jeff Burgoyne, J. (2003). *Entrepreneurs in action: An integrated approach to problem solving via the internet*.
- Collins, L., Hannon, P. D., & Smith, A. (2004). Enacting entrepreneurial intent: The gap between students needs and higher education capabilities. *Education + Training* 46(8/9), 454-463.
- De Bono, E. (2006). *Edward De Bono thinking course: powerful tools to transform your thinking*. England: BBC Active.
- Esteti, M. (2012). Pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dalam mengenal peluang perniagaan dalam kalangan pelajar IPT di Padang Sumatera Barat Indonesia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gabbett, T., Jenkins, D., & Abernethy, B. (2010). Physical collisions and injury during professional rugby league skills training. *Journal of Science and Medicine in Sport*, 13(6), 578-583.
- Higdon, L. J. (2005). Liberal Education And The Entrepreneurial Mindset A Twenty-First-Century Approach. <http://www.aacu.org/liberaleducation/le-wi05/le-wi05perspective2.cfm> [21 Januari 2007].
- Hindle, K. & Cutting, N. (2002). Can applied entrepreneurship education enhance job satisfaction and financial performance? An empirical investigation in the Australian pharmacy profession. *Journal of Small Business Management*. 40(2): 162-168.
- Hoe, C.H. Mohd. Salleh, Hj. D, Norashidah, H., Ooi, Y. K., Shuhymee, A., Muhammad Shukri, B, Rosli, M., Norita, D., Julienti, A. B., Armanurah, M. & Muhammad Nasri Md. Hussain. (2005). *Asas keusahawanan*. Australia: Thomson.
- Kuratko, D.F. (2009). *Introduction to entrepreneurship*. Ed. ke-8. US: South-Western, Cengage Learning.
- Lewis, K. (2002). *An Enterprising Future: Evaluating the Young Enterprise Scheme*. Laporan disediakan untuk the Enterprise New Zealand Trust. http://www..smecentre.massey.ac.nz/research/YES_evaluation_final_Report.pdf. 2.6.2 005.
- McKinney, C., & Smith, N. (2005). Te Tiriti o Waitangi or The Treaty of Waitangi: What is the difference? In D. Wepa (Ed.), *Cultural safety in McKinney, C., & Smith, N. (2005). Te Tiriti o Waitangi or The Treaty of Waitangi: What is the difference? In D. Wepa (Ed.), Cultural safety in*
- Norashidah, H. (2009). *Kesediaan Keusahawanan Pelajar dan Persekitaran Dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia Dalam Melaksanakan Pendidikan Keusahawanan*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Aishah, B., Salmah, I., Armanurah, M., Norashidah, H. (2018). *Cabaran membangun usahawan siswazah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Aishah Buang. (2006). *Draf Pendidikan Keusahawanan*.
- Norasmah, O., Hariyaty, A.B. & Armanurah, M. (2019). *Pendidikan keusahawanan di institut pengajian tinggi*. Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Norita, D., Armanurah, M., Habshah, B., Norashidah, H. & Ooi, Y. K. (2010). *Keusahawanan: teori dan praktis*. Ed. ke-2. Shah Alam: Mc Graw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Rosli, M, Lily Julienti, A. B, Mohamad Yusop, M. J, Muhammad Shukri, B, Norita, D, Norria Z, Syahrina A, Rosli, M. S. & Azrain Nasyrh, M. (2007). *Prinsip-prinsip asas keusahawanan*. Kuala Lumpur: Thomson.
- Yap Poh Moi. (2002). *Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.